

**WANITA DAN PERUBAHAN PEMAKANAN  
KELUARGA : KAJIAN KES DI BATUBARA,  
MEDAN, INDONESIA**

**MASWITA**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
2017**

**WANITA DAN PERUBAHAN PEMAKANAN  
KELUARGA : KAJIAN KES DI BATUBARA,  
MEDAN, INDONESIA**

Oleh

**MASWITA**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Julai 2017**

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah Robbil Alamin, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadrat Allah SWT kerana dengan izin dan Rahmat-Nya tesis ini dapat dihasilkan. Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr Fatan Hamamah bt Yahaya, selaku penyelia utama kerana dengan sabar dan tidak pernah jemu membimbing, memberi tunjuk ajar, cadangan, kritikan dan pandangan yang tidak ternilai sepanjang penghasilan tesis ini dan Prof.Madya Dato' Dr.Mohd Razha b.Abd Rashid selaku penyelia bersama kerana tidak pernah jemu membimbing, memberi tunjuk ajar, memberi cadangan, sepanjang penghasilan tesis ini. Segala pandangan dan panduan yang diberi telah mendorong penulis untuk terus berusaha menyempurnakan penulisan ini.

Tesis ini juga tidak dapat disempurnakan tanpa bantuan daripada Drs Nasir Yuhanan, Jabatan Kecamatan Tanjung Tiram Batubara, Drs Zainal Alwi, Jabatan Pendidikan Kabupaten Batubara, dan Drs Sopian Alwi M.Si, Ketua bahagian Pendidikan Kabupaten Batubara atas pandangan, maklumat dan penjelasan mengenai pembangunan pendidikan di Batubara kes pembangunan pendidikan kaum wanita di Sukamaju Batubara.

Ucapan setinggi penghargaan ditujukan buat Drs. Armansyah MM dan Warsiman SH.MH selaku Rektor Universiti Al Azhar Medan dan Dekan Fakulti Hukum Al Azhar Medan di atas sokongan yang diberikan dalam masa penulisan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Dato' Zainuddin dan Pn, Azawiyah yang sentiasa membantu untuk memperolehi maklumat dalam menerusi kajian lapangan. Terimakasih juga diucapkan kepada Wawan, Nurul yang sentiasa

bersemangat untuk mengikut serta dalam kerja lapangan. Terimakasih juga diucapkan kepada informan kajian di Sukamaju yang memberikan maklumat yang dalam kepada penulisan tesis ini.

Penghargaan teristimewa buat Drs.H. Ahmad Taufiq.MM di atas restu, kesabaran, dan dorongan sepanjang perjuangan penulis untuk menghasilkan tesis ini. Buat Wirawan Masyhuri dan Imam Rizky Fakhreza, mama ucapkan terimakasih yang tiada terhingga di atas kesabaran dan sokongan kalian dalam masa sepanjang penulis menyelesaikan tesis ini. Waktu dan kebersamaan keluarga kita yang kosong memperkukuh kalian berdua dalam menjalankan kehidupan keseharian. Penulis sangat bangga dengan kalian berdua, semasa penulis menyelesaikan tesis ini kalian semakin bijak mengurus diri dan dapat memanfaatkan waktu untuk persekolahan dan aktiviti yang lain sehingga penulis berasa berhutang waktu dan pengawalan terhadap kalian berdua.

Akhir sekali penulis selalu berdoa semoga Allah SWT selalu memberikan tempat terbaik kepada Almarhum Ayahanda Muhammad Nasir bin Basyaruddin dan Almarhumah Ibunda Nur' Aidah binti Muhammad Tabri, yang semasa hidup mereka selalu mengharap dan bercita-cita kepada anak-anaknya supaya dapat mencapai pendidikan setinggi-tingginya dan berjaya dalam kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat. Tetapi hari ini, mereka tidak dapat menyaksikan ini semua.

Maswita Nasir

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia

## ISI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Senarai Kandungan	iv
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	x
Senarai Plat	xi
Senarai Peta	xii
Senarai Singkatan	xiii
Abstrak	xiv
Abstract	xv

### **BAB I : PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang	3
1.2.1	Dwi Peranan	4
1.2.2	Penglibatan wanita dalam pekerjaan ekonomi	11
1.2.3	Penglibatan Wanita Dalam Keperluan Pemakanan Keluarga	12
1.3	Pernyataan Masalah	15
1.4	Objektif Kajian	22
1.5	Persoalan Kajian	22
1.6	Tujuan kajian	23
1.7	Skop dan Batasan	24
1.8	Kawasan Kajian	25
1.8.1	Geografi dan Penduduk Sukamaju	26
1.8.2	Sejarah Sukamaju	30
1.8.3	Struktur Pemerintahan Desa dan Negara	31
1.8.4	Pendidikan di Sukamaju	33
1.8.5	Sarana dan Prasarana Kesihatan	35
1.9	Kaedah Kajian	37
1.9.1	Temu bual	39
1.9.2	Kaedah Pemerhatian	40
1.9.3	Pemilihan Informan	42

1.9.4	Kategori Informan	45
1.9.5	Pengumpulan Data Sekunder	48
1.9.6	Kajian Perpustakaan	49
1.9.7	Analisis Kajian	49
1.10	Kepentingan Kajian	51
1.11	Sumbangan Kajian	53
1.12	Definisi Operasional Kajian	54
1.12.1	Peranan Wanita	54
1.12.2	Sektor Pekerjaan	56
1.12.3	Pemakanan	63
1.13	Organisasi Tesis	68

## **BAB II : SOROTAN KARYA PERANAN WANITA, PEMBANGUNAN EKONOMI DAN PEMAKANAN**

2.1	Pengenalan	70
2.2	Wanita Dalam Perspektif Perubahan	71
2.2.1	Perubahan Peranan Wanita Dalam Rumah Tangga	77
2.2.2	Penglibatan Wanita Dalam Ekonomi Keluarga	79
2.2.3	Peningkatan Tenaga Kerja Wanita	82
2.2.4	Motivasi Wanita Untuk Bekerja	85
2.2.5	Struktur Keluarga dan Perkembangan Sosial	87
2.3	Pembangunan Wanita Indonesia	91
2.3.1	Pembangunan Fasa Satu (1945-1965)	94
2.3.2	Pembangunan Fasa Kedua (1966-1997)	95
2.3.3	Pembangunan Fasa Ketiga (1998-2004)	99
2.4	Wanita dan Pembangunan Pendidikan	101
2.5	Wanita Dalam Pemakanan Keluarga	104
2.5.1	Kuasa Wanita Dalam Pemakanan	111
2.5.2	Wanita dan Sosialisasi Pemakanan Keluarga	115
2.5.3	Sosialisasi dan Perubahan Pemakanan Keluarga	118

2.6	Pembangunan Pemakanan	121
2.6.1	Pendidikan dan Pemakanan	124
2.6.2	Ekonomi dan Pemakanan	127
2.7	Rumusan	129

**BAB III : PENDEKATAN TEORETIS TERHADAP PERANAN  
WANITA**

3.1	Pengenalan	131
3.2	Struktur Sosial Keluarga dan Peranan Wanita	132
3.3	Struktur Fungsionalis Dalam Keluarga	136
3.4	Struktur Fungsionalis dan Kedudukan Wanita	143
3.5	Struktur Keluarga dan Pembangunan Ekonomi Wanita	145
3.6	Rumusan	150

**BAB IV : PROFIL WANITA, STRUKTUR PEKERJAAN DAN  
PEMAKANAN KELUARGA**

4.1	Pengenalan	152
4.2	Profil Informan Wanita	152
4.2.1	Pendidikan Informan	157
4.2.2	Pola Pekerjaan Ekonomi Informan	165
4.2.3	Pola Pekerjaan Lelaki Sebagai Suami	183
4.3	Wanita Informan dan Pekerjaan Rumah Tangga	187
4.3.1	Tugas Mencuci Pakaian	189
4.3.2	Tugas Menguruskan Anak	190
4.3.3	Tugas Menyediakan Makanan	190
4.3.4	Tugas Mencuci Pinggan Mangkuk	192
4.3.5	Tugas Membersihkan Rumah	193
4.4	Tanggungjawab Dalam Ekonomi Keluarga	194
4.5	Tanggungjawab Pemakanan Keluarga	200

4.5.1	Strategi Wanita Melaksanakan Tanggungjawab	204
4.6	Pemakanan Keluarga Informan	213
4.6.1	Pemakanan Fasa Satu (1945-1965)	214
4.6.2	Pemakanan Fasa Kedua (1966-1997)	222
4.6.3	Pemakanan Fasa Ketiga (1998-2014)	227
4.7	Rumusan	233

## **BAB V : SEKTOR PEMBANGUNAN WANITA DAN PEMAKANAN**

### **KELUARGA**

5.1	Pengenalan	234
5.2	Wanita dan Pembangunan di Sukamaju	236
5.2.1	Wanita Sukamaju fasa Satu (1945-1965)	237
5.2.2	Wanita Sukamaju Fasa Kedua (1966-1997)	239
5.2.3	Wanita Sukamaju Fasa Ketiga (1998-2014)	243
5.3	Pandangan Informan Terhadap Pendidikan	246
5.4	Pandangan Informan Terhadap Pekerjaan Ekonomi	251
5.5	Perubahan Pemakanan Keluarga	254
5.6	Faktor perubahan Pemakanan	260
5.7	Wanita dan Pemakanan Keluarga	269
5.7.1	Sektor tidak Formal dan Pemakanan Keluarga	271
5.7.2	Sektor Formal dan pemakanan Keluarga	280
5.8	Rumusan	283

## **BAB VI : PERANAN EKONOMI WANITA DALAM PEMAKANAN**

### **KELUARGA**

6.1	Pengenalan	285
6.2	Strategi aktiviti ekonomi wanita	286
6.2.1	Tidak memilih pekerjaan	287
6.2.2	Bertukar pekerjaan	292



6.3	Strategi belanja barang makanan	300
6.3.1	Belanja borong	301
6.3.2	Belanja Petang	302
6.3.3	Belanja Menyesuaikan Harga	303
6.4	Pemakanan Keluarga di Sukamaaju	306
6.5	Rumusan	308

## **BAB VII : PENUTUP**

7.1	Penemuan Hasil Utama	310
7.2	Penyelidikan Masa Hadapan	329
7.3	Saranan	330

<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>332</b>
--------------------	------------

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>	
Jadual 1.1	Jumlah Sekolah Mengikut Desa	33
Jadual 1.2	Taburan Pendidikan dan Pekerjaan Informan	34
Jadual 1.3	Jumlah Murid Sekolah Rendah mengikut Kelas	35
Jadual 1.4	Empat Jenis Penyakit Masyarakat Mengikut Desa	36
Jadual 1.5	Sektor Pekerjaan Domestik dan Sektor Pekerjaan Publik	62
Jadual 4.1	Profil Informan Dalam Kategori Fasa Satu	158
Jadual 4.2	Profil Informan Dalam Kategori Fasa Kedua	158
Jadual 4.3	Profil Informan Dalam kategori Fasa Ketiga	159
Jadual 4.4	Bilangan Penduduk Desa Mengikut Aktiviti Ekonomi	187

## SENARAI RAJAH

		<b>Halaman</b>
Rajah 1.1	Struktur Pemerintah Dari Negara Sehingga Dusun	32
Rajah 4.1	Pemakanan Informan Fasa Satu Dalam Jenis Bahan Makanan	219
Rajah 4.2	Pemakanan Keluarga Fasa Satu Mengikut Informan Berasaskan Waktu Makan	221
Rajah 4.3	Pemakanan Informan Fasa Kedua Dalam Jenis Bahan Makanan	227
Rajah 4.4	Pemakanan Keluarga Fasa Kedua Mengikut Informan Berasaskan Waktu Makan	228
Rajah 4.5	Pemakanan Informan Fasa Ketiga Dalam Jenis Bahan Makanan	231
Rajah 4.6	Pola Pemakanan Keluarga Fasa Ketiga Mengikut Informan Berasaskan Waktu makan	232
Rajah 5.1	Pembangunan Wanita Indonesia Dalam Tiga Fasa	240
Rajah 5.2	Konsep Pemakanan Keluarga Dalam Tiga Fasa	260

## SENARAI PLAT

			<b>Halaman</b>
Plat	4.1	Aktiviti Informan Ajar Bekerja Mengupas Kepah	180
Plat	4.2	Informan Wani Bekerja Menyiang Ikan	182
Plat	4.3	Aktiviti Informan Nita Berniaga Kedai Borong	183
Plat	4.4	Aktiviti Informan Inun Berniaga Kedai Runcit	184
Plat	4.5a	Informan Lida Menjual Kuih Muih	185
Plat	4.5b	Kuih Muih Khas Sukamaju, Lasida, Bingka dan Buah Malaka	186
Plat	4.5c	Kuih Muih Jomput dan Kuih Cucur Sayur	186
Plat	4.6	Informan Sida Membawa Anak ke Tempat Bekerja	215
Plat	4.7	Hidangan Makanan Informan Gadi Kategori Fasa Satu	226

## SENARAI PETA

### Halaman

Peta	1.1	Peta Sukamaju	27
Peta	1.2	Peta Sumatera Utara	32

## SENARAI SINGKATAN

Dirjen Binkemas	Direktur Jenderal Bina Kesehatan Masyarakat Departemen Kesehatan Republik Indonesia
Depkes RI	Departemen Kesehatan Republik Indonesia
ORLA	Order Lama
ORBA	Order Baru
GBHN	Garis Garis Besar Haluan Negara
Repelita	Rencana Pembangunan Lima Tahun
RPJM	Rencana Pembangunan Jangka Menengah
PNPM-Mandiri	Pembangunan Nasional Pemerkasaan Masyarakat-Mandiri
GKM	Garis Kemiskinan Makanan
POSYANDU	Pos Layanan Terpadu
SUMUT	Sumatera Utara
PUSKESMAS	Pusat Kesehatan Masyarakat
TAP MPR	Ketetapan Manjelis Permusyawaratan Rakyat
UNAND	UniversitiAndalas
PERMENDAGRI	Peraturan Menteri Dalam Negeri

**WANITA DAN PERUBAHAN PEMAKANAN KELUARGA : KAJIAN KES  
DI BATUBARA, MEDAN, INDONESIA**

**ABSTRAK**

Tesis ini bertujuan untuk mengkaji wanita dan pemakanan keluarga serta mengidentifikasi bentuk-bentuk peranan wanita dalam mencapai pemakanan yang seimbang. Di samping itu, tesis ini mengkaji strategi wanita dalam bidang ekonomi di Sukamaju dalam perubahan pemakanan keluarga. Bertitik tolak dari kemajuan yang dicapai wanita dalam pembangunan negara telah memberi nilai bahawa wanita yang bekerja di luar rumah cenderung meninggalkan peranannya dalam rumah tangga. Padahal strategi yang dijalankan wanita suri rumah hanyalah untuk mencapai pemakanan keluarga yang seimbang. Kajian kualitatif yang berlandaskan perspektif fungsionalism ini bersifat etnografi sosial. Kaedah pemerhatian ikut serta digunakan untuk mengutip data empirikal bagi menjelaskan kehidupan masyarakat Sukamaju dalam proses menyediakan pemakanan yang terbaik untuk keluarga. Kaedah temu bual digunakan bagi mendapat pandangan pihak berautoriti tentang pemakanan dan hal ehwal kawasan yang dikaji terutama Pengarah Jabatan, Ketua Kecamatan, Bhupati dan Camat di Batubara. Manakala kaedah temu bual mendalam dan pemerhatian secara langsung dilakukan ke atas informan terpilih. Informan dipilih berdasarkan kaedah *purposive sampling* menggunakan teknik *snowball*. Dalam kaedah ini seramai 30 orang informan dipilih mengikut kategori yang dikukuhkan sesuai dengan tiga fasa pembangunan di Indonesia. Bagi setiap fasa pembangunan, seramai 10 orang informan wanita yang terdiri daripada surirumah dipilih berdasarkan kategori umur, pendidikan dan bekerja untuk menjana ekonomi

keluarga. Hasil kajian mendapati surirumah di Sukamaju telah membentuk pemakanan yang dinamik untuk keluarga. Kaum wanita Sukamaju bijak mengatur menu makan, berusaha menambah pengetahuan dan bekerja dalam pelbagai kerja sambil terutama di persekitaran rumah dan pelantar jeti nelayan untuk menjana pendapatan tambahan keluarga. Pendapatan tersebut digunakan bagi menampung perbelanjaan dapur dan menyediakan pelbagai jenis makanan yang bergizi untuk keluarga. Berbelanja secara borong, membeli di pasar petang, dan membeli bahan keperluan makanan pada harga murah pada hari-hari tertentu adalah cara dan strategi utama yang dilakukan wanita Sukamaju untuk menyediakan keluarga dengan pemakanan seimbang. Bahkan kajian ini turut mendapati bahawa faktor ekonomi, pendidikan dan arus perubahan sosial merupakan pemangkin kepada usaha wanita untuk melakukan perubahan terhadap pemakanan keluarga bagi setiap fasa pembangunan negara. Justeru itu, wanita Sukamaju berperanan penting dalam perubahan pemakanan utama keluarga. Kajian ini mencadangkan kaum wanita perlu diperkasakan dengan pendidikan yang sempurna dan kemahiran asas dalam kehidupan supaya mereka lebih inovatif, asertif dan proaktif dalam pelbagai aspek pembangunan keluarga, bangsa dan negara.



**WOMEN AND CHANGES IN FAMILY NUTRITION : A CASE STUDY IN  
BATUBARA, MEDAN, INDONESIA**

**ABSTRACT**

This thesis aims to study women and the family diet, and to identify the various role in achieving a balance nutrition. Apart from that, this thesis aims to study women's strategies in the economic perspective in Sukamaju in the change of the family nutrition . The starting point is the progress that was achieved by women along with national development which gives the idea that women who worked outdoor tend to neglect their responsibilities at home. Truth is women are using strategies to achieve the balanced diet for their family. This qualitative study which is based on a functionalism perspective has a social ethnographic characteristic. Observation and participation method is used to collect the empirical data to explain the social life of people in Sukamaju in the process of preparing the best diet for their families. Interviews are carried out to get the opinion of the authorities on diet and the social affairs in the study area especially from the Head of Department, Head of District, Bhupati and Camat at Batubara. Also, in-depth interviews and direct observations were carried out on some selected informants. The selected informants were chosen using the method of purposive sampling which uses the snowball technique. In this method, 30 woman informants were chosen according to categories which are strengthen by the three phases of development in Indonesia. For each phase of development, 10 woman informants which consisted from housewives that were chosen based on their age, education and their work to the support their family. The result of this study showed that housewives in Sukamaju have provided a

dynamic diet for their families. The women of Sukamaju know how to arrange the menu, and tried their best to look for new knowledge and work in various part-time job especially in the local area and the fishing platform jetty to improve the economy of their families. The income was used to support their expenses and to prepare various nutritional food for their family. Wholesale grocery shopping, buying at night market, and buying things at a cheaper price during certain days are the ways and the main strategy used by the women in Sukamaju to prepare for their family's balanced diet. This study also found that the factor of economy, education, and social change are the factors to the effort of the women to make some change towards their family diet for each phase of national development. Hence, women in Sukamaju an important role in the change of their main nutrition. This study suggests that women need to be empowered with perfect education and basic skills in life so that they can be more innovative, proactive and assertive in various aspects of development in their family and nation.

# **BAB I**

## **Pengenalan**

### **1.1 Pendahuluan**

Pemakanan seimbang merupakan keperluan asas individu untuk memenuhi keperluan fizikal dan fikiran yang cemerlang. Untuk mendapati pemakanan yang seimbang diperlukan pelbagai jenis makanan. Hal ini kerana tidak ada satu jenis pun makanan yang mengandungi zat pemakanan yang lengkap. Pelbagai jenis makanan perlu bagi manusia untuk melengkapkan kekurangan zat pemakanan dalam jenis makanan yang berbeza. Prinsip saling melengkapkan pelbagai jenis makanan memastikan pemakanan seimbang dalam bilangan yang cukup. Dalam perkara pemakanan keluarga peranan wanita surirumah menjadi penting. Wanita berkuasa dalam menentukan pemakanan keluarga. Manakala masyarakat dalam satu kawasan mempunyai kebiasaan makan pada jenis makanan tertentu sahaja. Mereka tidak melibatkan jenis yang lain, padahal pelbagai jenis makanan tersebut diperlukan oleh tubuh badan. Sehubungan dengan itu, kajian ini cuba meninjau peranan wanita di Sukamaju Batubara dalam proses perubahan pemakanan keluarga dalam fasa pembangunan negara.

Dalam kehidupan berkeluarga, terdapat struktur yang menentukan peranan wanita sebagai surirumah dalam keperluan seisi rumah. Struktur keluarga juga turut menentukan sikap dan keputusan wanita dalam kehidupan berkeluarga dan masyarakat. Kajian yang bersifat etnografi ini berhasrat mengenal pasti bentuk peranan wanita dalam perubahan pemakanan keluarga. Selari dengan itu

pembangunan yang digalakkan kerajaan juga menyumbang kepada perubahan peranan wanita. Analisis pembangunan wanita dilakukan untuk melihat faktor yang turut mempengaruhi wanita dalam perubahan pemakanan keluarga. Bagi tujuan tersebut struktur fungsionalis dirangka untuk menganalisis peranan wanita dalam program pembangunan yang dijalankan kerajaan Indonesia.

Secara domestik peranan wanita adalah penting. Wanita adalah ibu yang melahirkan anak dan membesarkan. Seorang ibu akan mengekalkan kepada anak pola kehidupan yang lebih baik. Oleh itu, anak akan mempunyai amalan dan kebiasaan yang baik sehingga dewasa, jika ibu mengajarkan hal yang baik pula kepada anak. Manakala untuk membentuk pemakanan keluarga, wanita berperanan penting kerana wanita memegang kuasa. Engel (1994) mengatakan sikap dan keputusan di dalam keluarga khususnya untuk makanan yang akan dimakan keluarga adalah tanggungjawab ibu bapa. Namun, dalam hal ini peranan ibu lebih dominan. Kajian-kajian peranan wanita sebagai surirumah yang telah berjaya dalam menghasilkan ekonomi keluarga di Indonesia adalah Pudjiwati (1985); Aryani (1994); Ihromi (1995); Abdullah (2003); Astuti (2008). Kesimpulan dari kajian mereka bahawa kejayaan kaum wanita merupakan informasi penting yang dapat mendorong wanita dalam menyumbang ekonomi kepada keluarga. Hal ini dilakukan wanita untuk memenuhi keperluan pemakanan keluarga dan keperluan yang lain.

Kajian-kajian berkenaan dengan modernisasi dan globalisasi pemakanan di Indonesia seperti kajian Charles (2013) menjelaskan bahawa kemodenan menyebabkan seseorang memilih makanan bukan berasaskan keperluan tubuh badan dan sumber manusia. Meskipun kemajuan jenis dan bentuk pemakanan merupakan

kejayaan dalam pengetahuan dan teknologi pemakanan, namun perlu diambilkira bahawa kemajuan juga mempunyai pelbagai perkara. Justeru itu, peranan surirumah dalam mengatur pemakanan keluarga perlu dipertingkatkan. Ini supaya ahli keluarga mendapatkan pemakanan yang bersesuaian dengan keperluan tubuh badan yang sihat dan berjaya.

Sebagai bab permulaan, bab pertama ini akan memperkenalkan perbincangan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop dan batasan kajian dan kaedah kajian. Seterusnya bab ini membincangkan kawasan kajian, kaedah kajian dan kepentingan serta sumbangan kajian. Bab ini juga memuatkan definisi operasional kajian dan organisasi tesis.

## **1.2 Latar belakang**

Kajian-kajian pemakanan di Indonesia secara umum tertumpu kepada makanan dan kesihatan, pemakanan, jenis barang makanan dan barangan kimia sebagai pengawet makanan (Mudjahirin, 1996). Hubungan pendidikan dan status gizi kanak-kanak (Linda & Hamal, 2011; Handono, 2010). Pengaruh pemakanan dan perkembangan tubuh badan (Unicef Indonesia, 2012). Tanpa melihat dan menyambungkan kepada kuasa wanita dalam pemakanan. Kurang sekali kajian yang dilakukan terhadap peranan wanita dalam perubahan pemakanan. Padahal kaum wanita amat berperanan dalam pemakanan keluarga.

Pengalaman wanita dalam menjana ekonomi keluarga perlu dikaji secara empirikal bagi memahami senario wanita dalam mengurus pemakanan keluarga.

Selari dengan itu, fokus kajian terhadap peranan wanita dijelaskan bukan sahaja mengikut peranannya sebagai surirumah dalam mengurus pemakanan keluarga tetapi mengikut pembangunan di Indonesia. Pada dekad ini pelbagai kemajuan terjadi pada kaum wanita. Dalam sektor formal wanita menjadi hakim, peguam, guru, pensyarah, staf dan kakitangan kerajaan, ahli parlimen dan lainnya. Pada sektor tidak formal pula wanita berniaga, menjadi buruh dan membuka perniagaan sendiri.

Kaum wanita tidak bimbang, dengan bilangan masa yang digunakan untuk bekerja di luar rumah asalkan mereka dapat melepaskan diri dari belenggu kemiskinan. Berita resmi Badan Perkiraan Statistik Negara (2010) menjelaskan bahawa jumlah penduduk miskin per-penduduk dengan pengeluaran per-kapita per bulan di bawah Garis Kemiskinan. Di Indonesia pada Mac 2010 mencapai 31.02 juta (13.33 peratus), penurunan sebanyak 1.51 juta berbanding dengan penduduk miskin pada Mac 2009, iaitu 32.53 juta (14.15 peratus).

### **1.2.1 Dwi Peranan**

Pembangunan negara telah berjaya dicapai melalui perogram-program pembangunan berancang sejak lebih daripada dua dekad. Dekad 1998-an menyaksikan kejayaan rancangan-rancangan kerajaan berkenaan dengan pembangunan wanita sehingga wanita menjadi satu faktor dalam meningkatkan ekonomi keluarga. Pembangunan dan perkembangan ekonomi wanita memberi infak positif bagi kehidupan keluarga, pendapatan keluarga dan seterusnya kepada perubahan pemakanan keluarga.

Ruang domestik adalah ruang wanita sejak dahulu lagi. Ia merupakan ruang yang sesuai dengan kaum wanita. Maryore Hansen Shaevitz (1984) menggambarkan bahawa wanita seringkali dikaitkan dengan tugas-tugas domestik. Tugas-tugas domestik berkaitan dengan tugas tugas rumah tangga seperti menjaga anak, memasak, mencuci kain dan lain sebagainya. Aktiviti wanita diruang domestik berkaitan dengan *nature* atau biologis wanita. Gamble (2010) menyebutkan wanita secara asas mengacu pada perorangan yang memiliki seperangkat karakteristik biologis tertentu, mencakup kemampuan untuk melahirkan. Posisi wanita tidaklah sama dibandingkan dengan posisi lelaki di masyarakat. Berbeza dengan wanita yang dilekatkan dengan ruang domestik-nya, lelaki justru sebaliknya. Lelaki dianggap sebagai sosok yang sesuai berada di ruang publik. Subordinasi tersebut berterusan berlaku bagi masyarakat, sehingga wanita lebih bersesuaian berada dalam ruang domestik (Fakih, 2003).

Pembezaan mengenai peran publik dan domestik mengenai wanita dan lelaki disebabkan perbezaan gender, pada proses berikutnya melahirkan peran gender dan dianggap tidak menimbulkan masalah, maka tidak pernah digugat. Akan tetapi yang menjadi masalah dan perlu digugat adalah struktur ketidakadilan yang ditimbulkan oleh peran gender dan perbezaan gender (Fakih, 2003). Hal ini terjadi disebabkan: pertama, mempertanyakan status kaum wanita pada dasarnya adalah mempersoalkan sistem dan struktur yang telah kukuh. Kedua, mendiskusikan soal gender berarti membahas hubungan kekuasaan yang sifatnya sangat pribadi, melibatkan individu masing-masing.

Botkin, Weeks, & Morris, (2000) mengungkapkan bahwa setengah abad yang lalu, gaya hidup khas dari suami isteri digambarkan sebagai situasi yang ideal. Masing-masing pasangan memiliki peran yang tidak tertulis yang mengakibatkan keharmonian perkahwinan. Pada masa itu suami bertugas untuk mencukupi keperluan istri dan keluarga, istri bertanggung jawab untuk mengurus rumah dan anak-anak. Seiring perkembangan zaman gaya hidup yang lebih moden terdapat pergeseran peran gender dari tradisional menjadi lebih egaliter yang berarti lelaki dan wanita adalah sama dalam semua domain.

Dyah Purbasari (2015) mengatakan secara umum seorang suami berperanan sebagai ketua keluarga yang bertugas mencari nafkah untuk memenuhi keperluan sandang, pangan dan papan. Suami juga berperanan sebagai rakan isteri iaitu menjadi rakan setia yang menyenangkan dan selalu ada di saat suka maupun duka. Suami selalu menyediakan waktu untuk berbincang dan menghabiskan waktu senggang dengan sang isteri. Sebagai suami juga harus berperanan untuk mengayomi atau membimbing isteri agar selalu tetap berada di jalan yang benar. Selain menjadi rakan yang baik untuk isteri, suami juga dapat membantu meringankan tugas isteri, di sela-sela kesibukan suami dalam mencari nafkah. Isteri juga mempunyai peran yang sangat penting, iaitu sebagai pendamping suami di setiap saat dan ibu yang siap menjaga dan membimbing anak-anak. Samada seperti suami, isteri juga berperanan sebagai mitra atau rakan yang baik dan menyenangkan bagi pasangan hidupnya. Isteri dapat diajak untuk berbincang mengenai pelbagai permasalahan yang terjadi dan juga berbincang tentang hal-hal yang ringan. Isteri sebagai pendorong dan memberi semangat untuk kemajuan suami di bidang pekerjaannya. Pembahagian peran dan pembahagian tugas rumah tangga yang adil antara suami dan isteri terkadang masih dipengaruhi oleh cara



pandangan masyarakat mengenai peran gender yang cenderung memposisikan wanita untuk selalu berperan pada wilayah domestik (Herrien, 2008)

Rahayu (2011) menerangkan bahawa pola pembagian peran dalam keluarga dipengaruhi oleh pelbagai faktor, antara lain; *Pertama*, kebijakan pemerintah dalam pelbagai peraturan. Dalam peraturan tersebut terdapat kebijakan-kebijakan yang tidak berkeadilan gender dan masih menganut ideologi patriarki dalam sistem hukum di Indonesia. *Kedua*, faktor pendidikan. Para guru masih memiliki pola pikir bahawa lelaki akan menjadi pemimpin, sedangkan anak wanita akan menjadi surirumah. *Ketiga*, adalah faktor nilai-nilai. Dalam pelbagai hal, status wanita dalam kehidupan sosial masih mengalami diskriminasi. Pengaruh nilai-nilai tradisional yang kuat sehingga wanita kurang memperoleh akses terhadap pendidikan, pekerjaan, pengambilan keputusan dan aspek lainnya. *Keempat*, adalah faktor budaya khususnya budaya patriarki. Dalam perspektif patriarki, menjadi pemimpin dianggap sebagai hak bagi lelaki sehingga sering tidak disertai tanggung jawab dan cinta.

Selari dengan pernyataan di atas, adanya diskriminasi gender dalam kehidupan perkahwinan ditunjukkan oleh peraturan negara berkenaan hak dan kewajiban suami-istri. Undang-Undang Perkahwinan Kerajaan Indonesia No.1 tahun 1974 pasal 31 ayat (3) secara tegas menghuraikan bahawa suami sebagai ketua keluarga dan istri sebagai suri rumah tangga. Pasal 34 menyebutkan, suami wajib melindungi istri dan istri wajib mengatur rumah tangga sebaik-baiknya. Pernyataan dalam Undang-Undang tersebut terdapat bias gender antara lelaki dan wanita. Wanita diposisikan untuk lebih berperan dalam sektor domestik. Ideologi patriarki mencirikan bahawa lelaki merupakan ketua rumah tangga pencari nafkah. Lelaki

dipandangkan sesuai untuk pekerjaan produktif di luar rumah maupun sebagai penurus keturunan (Sihite, 2007). Budaya patriarki merupakan asas bagi masyarakat membentuk sikap dan peran gender tradisional pada masyarakat. Justeru sikap peran gender tradisional tersebut lelaki dianggap lebih superior dibandingkan wanita (Olson & Defrain, 2003).

Peranan yang ideal untuk lelaki, menurut citra patriarki tersebut antara lain sebagai ketua keluarga yang bertanggungjawab untuk mencari nafkah bagi keluarga, pelindung, dan pengayom (Raharjo, 1995). Corak budaya Patriarki berkembang pada masyarakat Indonesia sebagai sistem dan aturan dalam membina pertalian keluarga. Patriarki dijadikan satu sistem asas dalam menempatkan fungsi dan peranan wanita dalam rumah tangga. Dalam sistem patriarki isteri adalah surirumah yang bertugas dalam kerja-kerja rumah tangga. Suami bertugas di luar rumah dalam tanggung jawab ekonomi keluarga. Patriarki adalah struktur yang menempatkan peran lelaki sebagai penguasa tunggal, sentral dari segala-galanya. Budaya Patriarki adalah budaya yang dibangun atas dasar struktur dominasi dan subordinasi, dimana satu norma lelaki dan pandangan lelaki menjadi suatu norma.

Pandangan dengan pendekatan sosio antropologi meramaikan kajian tentang posisi lelaki. Rueda (2007) mengatakan bahawa patriarki adalah penyebab penindasan terhadap wanita. Lelaki dianggap memiliki kekuatan lebih dibandingkan wanita. Di semua lini kehidupan, masyarakat memandang wanita sebagai seorang yang lemah dan tidak berdaya. Setiadi (2011) mengatakan bahawa sejarah masyarakat patriarki sejak awal membentuk peradaban manusia yang menganggap bahawa lelaki lebih kuat dibandingkan wanita baik dalam kehidupan pribadi,

keluarga, masyarakat, maupun bernegara. Kultur patriarki secara turun-temurun membentuk perbezaan perilaku, status, dan otoriti antara lelaki dan wanita di masyarakat yang kemudian menjadi hirarki gender.

Manakala kajian-kajian sosial juga menunjukkan wanita berperan di luar rumah seperti Buserup (1984). Beliau mendapati dalam kajiannya di kawasan Asia Afrika bahawa lelaki dan wanita bekerjasama di kawasan pertanian mereka untuk keperluan keluarga. Kajian Vadlun (2011) menunjukkan isteri bekerja di luar rumah meskipun pekerjaan tersebut adalah menjual ikan hasil tangkapan suami kepada pembeli. Hal ini menunjukkan isteri nelayan pesisir sudah mampu merefleksikan kemampuan diri dalam memenuhi keperluan keluarga.

Kebangkitan feminisme di negara-negara Barat tahun 1960-an turut mempengaruhi Garis-garis Besar Haluan Negara (GBHN) di Indonesia. Untuk pertama GBHN Tahun 1978 telah memuatkan amanat untuk meningkatkan peranan wanita. Seterusnya berdiri lembaga Pemberdayaan Peranan Wanita pada Tahun 1979. Setelah Reformasi sosial pada pertengahan Mei 1998 gerakan pemberdayaan wanita bertambah laju selari menjamurnya pelbagai Lembaga Sosial Masyarakat yang membawa misi pemberdayaan wanita. Pemberdayaan wanita kemudian menjadi program yang didesakkan penerapannya ke dalam sistem sosial sebagai salah satu upaya yang secara jelas akan mempengaruhi kebijakan sosial.

Selari dengan itu peranan wanita menjadi kompleks, ia berada di dalam ruang domestik dan juga di ruang publik. Disebabkan itu, dwi peranan wanita menjadi keawatiran bagi masyarakat dan ahli sosial. Spencer (1961) mengatakan perhatian

wanita kepada keluarga khusus terhadap penjagaan anak menjadi kurang jika ibu bekerja di luar rumah. Kajian Davidson (1992) tentang wanita surirumah yang bekerja di luar rumah menunjukkan terjadi konflik peranan. Wanita yang menggabungkan peran kedua-duanya, iaitu, peranan dalam keluarga dan peranan sebagai pekerja di luar rumah akan menghadapi konflik peranan yang timbul akibat percanggahan antara obligasi terhadap keluarga dan obligasi terhadap pekerjaan. Menurut Davidson dan Copper (1992) juga Powell dan Graves (2003), wanita bekerja berhadapan dengan pelbagai-bagai bentuk masalah di tempat bekerja dan juga di dalam rumah tangga.

Pelbagai peran wanita tersebut menjadi faktor yang dapat mempengaruhi sikap kerja, terutama ibu, di mana pada kenyataannya di satu sisi ibu tetap terus bekerja dan berkarir. Sementara di sisi lain mereka tidak bisa lepas dari perannya sebagai ibu dan istri, belum lagi bila dikaitkan dengan pembagian kerja domestik rumah tangga di mana ibu yang masih lebih banyak mengerjakannya (Scharman, 2002). Betapa pun sibuk dan suksesnya wanita di sektor publik, namun masyarakat tetap menuntut agar mereka tetap bertanggungjawab atas seluruh keluarganya di sektor domestik. Jelaslah bahwa wanita harus berperan ganda mencari nafkah dan mengurus rumah tangga, sehingga beban kerjanya lebih besar dari pada lelaki. Belum lagi jika diperhitungkan kerja sosialnya seperti mengurus orang tua, arisan dan kegiatan darma wanita yang sering dilakukan wanita (Purtojo, 1999).

### **1.2.2 Penglibatan Wanita Dalam Pekerjaan Ekonomi**

Daerah pedesaan merupakan daerah yang rentan terhadap ekonomi keluarga, termasuk daerah pesisir. Keperluan terhadap ekonomi keluarga merupakan faktor meningkatnya peranan wanita dalam aktiviti ekonomi rumahtangga (Widodo, 2012). Sehingga partisipasi wanita dalam dunia kerja telah memberikan konstribusi yang besar terhadap kesejahteraan keluarga khususnya di bidang ekonomi. Beberapa faktor seperti meningkatnya kesempatan belajar bagi wanita, keberhasilan Keluarga berencana, tumbuh dan berkembangnya tempat penitipan anak merupakan asas daripada kemajuan wanita. Kemajuan teknologi merupakan solusi bagi wanita dalam mengatasi masalah keluarga dan masalah bekerja. Peningkatan partisipasi kerja wanita tersebut mempengaruhi pasar kerja dan kesejahteraan diri wanita dan kesejahteraan keluarganya. Perkara ini akan memberi inpak kepada meningkatnya pemakanan se isi rumah (Anthony, 2011).

Dinamika pergerakan wanita dari ruang domestik ke ruang publik terjadi dalam pelbagai faktor. Emansipasi wanita salah satu pandangan yang mempengaruhi wanita dari sektor domestik ke sektor publik. Konsep tersebut melihat bahawa selama ini berlaku perbezaan antara wanita dan lelaki. Subordinasi dan penindasan terhadap wanita kerana dianggap kaum yang lemah. Feminis sosialis memandang bahawa selama ini terjadi penindasan terhadap wanita akibat sistem patriarki (Longerman, 2003). Disamping emansipasi dan gerakan lainnya berkembang di masyarakat, globalisasi dan modernisasi turut membuka peluang bagi wanita untuk menceburi bidang kerjaya. Faktor kesempatan belajar dan peningkatan pendidikan

menjadi pelengkap kepada golongan wanita untuk lebih maju dan lebih aktif dalam kegiatan ekonomi di ruang publik.

Manakala hasil kajian Widodo (2009) mendapati ikut serta wanita dalam kerja ekonomi bukan sahaja disebabkan kemajuan pendidikan, hal yang paling utama adalah kemiskinan. Dimana pendapatan keluarga perlu dipertingkatkan dengan cara partisipasi semua ahli keluarga. Salah satu diantara ahli keluarga tersebut adalah wanita (isteri).

### **1.2.3 Penglibatan Wanita Dalam Keperluan Pemakanan Keluarga**

Kesan perkembangan dan kemajuan wanita dalam bidang ekonomi memberi infak yang sangat positif kepada pemakanan keluarga dalam rangka pembangunan pemakanan. Kajian-kajian wanita yang berkaitan dengan pemakanan keluarga di Indonesia menunjukkan bahawa perkembangan ekonomi wanita menjadi pemangkin kepada tanggungjawab keperluan pemakanan keluarga (Lasswell, 1987). Manakala sektor pekerjaan pula telah membuka peluang ekonomi secara besar besaran kepada golongan wanita. Keperluan kepada pemakanan, pengalaman pemakanan keluarga serta pendapatan keluarga yang minimum, telah menarik golongan wanita untuk bekerja dalam bidang ekonomi. Wanita yang dahulunya melakukan tugas-tugas memasak makanan dan dilihat sebagai pekerja domestik, kini telah beralih keluar dari pada tugas di dapur dan mula memasuki tugas ekonomi di luar rumah untuk menampung keperluan makanan keluarga (Abdullah, 2003). Sektor pendapatan keluarga telah menyebabkan bilangan wanita bekerja untuk mendapatkan upah bagi memenuhi keperluan keluarga (Novi Puspitasari, 2013).

Disamping itu, peningkatan bidang pendidikan menjadi pelengkap kepada pengetahuan golongan wanita untuk memahami kepelbagaian jenis makanan yang diperlukan tubuh badan. Pendidikan adalah satu unsur penting bagi wanita sebagai asas dalam pembangunan pemakanan keluarga. Penglibatan pendidikan wanita turut memberi infak positif bagi wanita dalam mengukur pendapatan keluarga dan keperluan pemakanan keluarga. Sejak kemajuan pemasaran pemakanan, peningkatan kepelbagaian jenis bahan makanan di jual di pasaran sama ada di bandar dan desa pemenuhan bahan pemakanan masyarakat menjadi tercukupi.

Selari dengan peningkatan ekonomi wanita, terdapat peningkatan pemakanan keluarga. Bahkan tanggungjawab keperluan pemakanan keluarga menjadi tanggungjawab isteri. Hal ini dapat dilihat daripada hasil penelitian Widodo (2012) bahawa sumbangan ekonomi wanita terhadap keluarga begitu besar. Justeru sumbangan ekonomi wanita terhadap keluarga lebih tinggi jika dibandingkan pendapatan lelaki.

Dampak transformasi ekonomi ke atas perubahan penglibatan dan tanggungjawab wanita dalam pemakanan keluarga adalah sangat kentara. Wanita terdorong untuk bekerja ke luar rumah disebabkan oleh tekanan daripada pendapatan keluarga. Manakala peluang-peluang kerja yang ada serta motivasi untuk menampung keperluan keluarga menyebabkan wanita berada di luar rumah. E. Kristi Poerwandari (1995) mengemukakan bahawa kalangan wanita bekerja merupakan keinginan memenuhi tanggungjawab sesuai dengan apa yang diharapkan lingkungan sosial individu dalam hal ini adalah keluarga. Selain daripada itu, perubahan pandangan serta norma masyarakat turut merubah persepsi masyarakat terhadap

tugas-tugas ahli keluarga. Kesanggupan wanita untuk bekerja bagi menampung perbelanjaan pemakanan keluarga telah menyumbang kepada peranan wanita menjadi semakin pelbagai dan kompleks pada masa kini (Utami Munandar, 2001; Attamimi, 2013).

Manakala bagi wanita, aspek keluarga perlu secara khusus ditekankan terutama karena faktor kewanitaan memang banyak dikaitkan dengan peran dan fungsi sebagai pengelola rumah tangga, bahkan oleh masyarakat seringkali diingatkan bahawa tujuan hidup wanita adalah menjadi surirumah dan menjadi ibu yang baik bagi anak-anaknya (Attamimi, 2013). Karena adanya penanaman dua nilai tersebut, kalangan wanita kemudian mencoba mengintegrasikannya dalam bentuk aspirasi tercapainya kehidupan yang seimbang antara keluarga dan pekerjaan (E. Kristi Poerwandari, 1995). Apabila golongan wanita bekerja untuk menampung ekonomi keluarga, lazimnya kerja-kerja domestik yang dikaitkan dengan wanita seperti tugas memasak dan belanja makanan dan menjaga anak dilihat semakin tersisih dalam kalangan wanita bekerjaya. Sebagai usaha mengimbangi tanggungjawab wanita di rumah dan peranan mereka dalam ekonomi keluarga maka pengubahsuaian tugas dalam urusan domestik adalah merupakan suatu alternatif penyelesaian jangka pendek.

Bagi kesejahteraan keluarga dalam kalangan wanita bekerjaya, tren terkini adalah pembahagian tugas secara tradisi dijalankan oleh wanita diagihkan kepada ahli keluarga lain dan pembantu rumah. Arus kemodenan menyaksikan pengurusan rumah tangga semakin diambil oleh pembantu rumah. Keperluan makanan keluarga turut diambil alih oleh kedai-kedai makan dan restoran-restoran makanan. Sehubungan itu, implikasi peningkatan wanita dalam menampung keperluan



pemakanan keluarga, membuka peluang kepada wanita lebih berkuasa dalam menentukan pemakanan keluarga. Dahulu wanita berkuasa di dapur dalam menentukan masa makan dan jenis makanan bagi keluarga (Muhammad, 1998). Kini wanita menggunakan pengetahuannya dalam mengatur pendapatan dan perbelanjaan makanan. Justeru itu, sektor pengetahuan dan pekerjaan wanita di luar rumah adalah merupakan pintu masuk bagi wanita dalam mengatur pemakanan keluarga kini.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kajian-kajian perubahan pemakanan di Indonesia secara umum menumpukan perhatian kepada aspek nutrien, sosial budaya makanan, pemakanan jomok, pemakanan bayi dan kanak-kanak. Amat kurang sekali kajian-kajian dilakukan terhadap peranan wanita dalam pemakanan yang mana mereka adalah berkuasa penuh dalam pemakanan khususnya dalam pemakanan keluarga. Dasawarsa ini peranan wanita dalam pemakanan keluarga semakin diperlukan guna mengantisipasi nutrien buruk dalam kalangan keluarga. Faktor kuasa penuh wanita dalam pemakanan keluarga tidak dapat menjelaskan fenomena perubahan pemakanan keluarga di Indonesia pada hari ini. Pelbagai persoalan timbul mengenai kejayaan wanita melakukan perubahan pemakanan terutama dalam jenis pelbagai makanan yang dimakan keluarga. Pengaruh teknologi dan pemasaran pemakanan sememangnya meninggalkan impak penting dalam bentuk dan jenis makanan. Namun dalam kerancangan perubahan pemakanan yang menerokai tren-tren pemakanan di Indonesia, masih terdapat rongga informasi bagi menjelaskan fenomena wanita dalam proses perubahan pemakanan keluarga.

Peringkat awal kajian seperti kajian tentang kebiasaan makan keluarga mempengaruhi pola makan anak ( Santoso & Rianti, 2004), penilaian tentang status makanan individu ( Gibson, 2005; Almtsier, 2011). Hari Purnomo (2010) lebih menumpukan perhatian kepada aspek teknologi pemakanan, beliau melihat kepada implikasi pengetahuan dan ekonomi ke atas pemakanan kanak-kanak serta pemakanan dalam aspek diet makanan dalam konteks pelbagai makanan dan aspek tiga kegunaan makanan. Persoalan dalam pemakanan pula, mula mendapat perhatian pada awal tahun 2000. Hasil kajian Moehji (2003) mendapatkan bahawa ada kaitan pengetahuan ibu tentang pemakanan kepada pemakanan kanak-kanak. Hal ini menunjukkan pengetahuan mempengaruhi pemakanan yang dimakan individu dalam keluarga. Kurangnya pengetahuan gizi dan kesehatan orang tua, khususnya ibu merupakan salah satu penyebab kekurangan gizi pada balita. Di pedesaan makanan banyak dipengaruhi oleh keadaan sosial ekonomi dan kebudayaan. Terdapat pantangan makan pada kanak-kanak misalnya kanak-kanak tidak diberikan ikan karena menyebabkan cacingan. Kacang-kacangan tidak diberikan karena dapat menyebabkan sakit perut dan kembung (Baliwati, 2004).

Manakala isu negara dalam mengawal pemakanan masyarakat Indonesia terutama dalam pemakanan sihat dibangkitkan oleh golongan pemerhati seperti Lembaga Sosial Masyarakat dan Yayasan Lembaga Konsumen Indonesia. Menurut Budisantosa (2000) pengaturan tentang bahan makanan asas perlu dibangkitkan. Beliau menyatakan akan lebih muda pengadaaan makanan asas disesuaikan dengan pelbagai makanan daerahnya seperti di Manado, makanan pokok mereka adalah jenis sagu. Demikian juga halnya dengan kepercayaan terhadap makanan yang berkaitan dengan nilai-nilai pengetahuan iaitu kualiti baik atau buruk, menarik atau tidak

menarik. Pemilihan kepada bahan makanan yang dimakan adalah satu proses ketrampilan untuk memilih makanan sesuai dengan sikap dan kepercayaannya (Khumaidi, 2009). Kajian M Frank Gc (1991) ; Moehji (2003), mengatakan bahwa ada hubungan antara kebiasaan makan anak dengan ukuran tubuh badannya.

Selain itu kajian Antropologikal terhadap perubahan jenis bahan pemakanan yang dimakan keluarga dilakukan oleh Mapadin (2006) dengan tumpuan khusus masyarakat Wamena. Beliau tidak melibatkan pemerhatian khusus kepada gender, sebaliknya lebih memfokuskan kepada aspek pemakanan asas. Hasil penelitian (Zehra. 2008) yang menyatakan bahawa peran gender mempengaruhi kesejahteraan keluarga dengan melihat kesan perubahan peranan wanita keatas ekonomi keluarga. Kajian beliau lebih bersifat peningkatan ekonomi dengan tumpuan perubahan peranan wanita domestik ke publik untuk keperluan ekonomi rumah tangga.

Perubahan pemakanan kini merupakan tren baru dalam proses kehidupan keluarga berterusan. Namun kajian empiris masih kurang dijalankan terutama di Indonesia umumnya dan Batubara khususnya. Suwanvijit dan Promsa-ad (2009) menyatakan bahawa seharusnya kajian perubahan pemakanan dibezakan daripada aspek teknologi kerana implikasi serta kesan perubahan pemakanan dalam keluarga semula berasaskan kepada ekonomi keluarga. Menurut Schiffman dan Kanuk (2009) perubahan pemakanan diawali oleh gaya hidup. Seterusnya beliau mengariskan berbeza perubahan pemakanan dalam aspek teknologi dan pemakanan keluarga. Pemakanan keluarga merupakan asas dalam membentuk pemakanan individu semula. Maka dalam kontek perubahan pemakanan keluarga selain gaya hidup dan teknologi, kuasa wanita sebenarnya turut menyelaraskan dengan tuntutan globalisasi.

Dalam proses perubahan pemakanan keluarga faktor pendorong wanita dan lelaki pada dasarnya mempunyai landasan berbeza. Begitu juga dengan pengalaman antara lelaki dan wanita seringkali berbeza. Namun hal ini kurang diberi perhatian dalam ruang akademik di Indonesia.

Sebelum pemerintahan Order baru pada tahun 1966-1997 pemakanan keluarga di Indonesia kurang mendapat perhatian. Istilah pemakanan empat sihat lima sempurna selalu dijumpai dalam proses pendidikan sekolah. Pemakanan sihat yang dianjurkan oleh pemerintah adalah mengandungi pelbagai jenis. Namun pemasaran jenis pemakanan tidak mendapat perhatian pemerintah. Pemakanan keluarga berasaskan kepada pemakanan ibu bapa mereka dari generasi ke generasi. Penjelasan tentang manfaat pemakanan di sekolah cenderung diketahui sahaja, tidak diimplementasikan dalam kehidupan keluarga. Hasil kajian Haryono (2006) tentang pemakanan di satu kawasan menunjukkan bahawa terdapat masyarakat yang makan dengan jenis bahan makanan yang ada di daerahnya sahaja tanpa memakan jenis makanan yang lain. Sementara itu terdapat jenis penyakit yang diderita masyarakat akibat gizi rendah dan banyak kematian yang tidak tertolong.

Program pemerintah dalam pemasaran jenis bahan makanan turut mendorong perubahan pemakanan dalam satu kawasan. Program ini turut mempermudah kalangan wanita dalam menentukan pemakanan keluarga. Kenyataan pemakanan telahpun berubah dalam aspek pengetahuan wanita kepada pemakanan keluarga. Faktor ekonomi wanitapun turut menjadi satu infak mempengaruhi pemakanan keluarga. Tetapi pengkaji-pengkaji di Indonesia dalam menyusuri pembabitan

peranan wanita dalam proses perubahan pemakanan dilihat terkebelakang berbanding dengan inpak teknologi kepada pemakanan.

Walaupun keadaan intelektual di Indonesia mula rancak dengan kajian-kajian perubahan pemakanan sejak dasawarsa 2000, namun isu perubahan pemakanan yang dibongkar dan dirangkai masih terbatas kepada ruang lingkup yang terhad. Misalnya kajian Atmatsier (2010) yang menumpukan kajian kepada nutrien pemakanan. Erna Kusumawati (2011) mengkaji fenomena pemberian makanan tambahan kepada bayi pada masa pemberian Air Susu Ibu. Secara eksklusif Anderson (2006) turut membincangkan pemakanan masyarakat. Namun perbincangan terhad kepada makanan dan alam persekitaran. Padahal pemakanan masyarakat berbeza dalam kontek jenis bahan makanan dan bahan yang tersedia dalam alam persekitaran serta cara menyediakan makanan keluarga. Muhammad (1998) selain memperbincangkan kuasa wanita dalam masa makan, wanita juga berkuasa dalam menentukan jenis bahan makanan. Kajian pemakanan juga dijalankan oleh Baliwati (2004) dengan menekankan kepada pandangan kebiasaan makan ibu bapa dan unsur makanan panas dan makanan sejuk. Isu seperti ekonomi keluarga, perhubungan pendapatan wanita kepada perubahan pemakanan keluarga dan perhubungan motivasi wanita bekerja di luar rumah dan perubahan pemakanan dalam satu kawasan dan lain-lain tidak banyak diberi perhatian.

Kajian menjurus kepada peranan wanita, dilakukan oleh Baumali & Gunawan (2009) di kabupaten Timor dengan skop kajian beliau adalah kepada perhubungan nutrein ibu melahirkan dan budaya masyarakat Timor. Beliau menekankan kajian kepada makanan asas suku bangsa. Kajian Mapadin (2006) melihat faktor makanan

asas seperti sugu tidak berubah kepada beras. Kajian Diana (2006) pula melihat faktor faktor ibu dalam menentukan jenis makanan kanak-kanak. Hampir semua kajian-kajian ini menyatakan terdapat elemen teknologi, dan makanan persekitaran, pengetahuan wanita dan kuasa wanita dalam proses perubahan pemakanan. Kenyataan peranan wanita dalam perubahan pemakanan ini bagaimanapun tidak disokong dengan kajian emperis secara mendalam.

Proses perubahan pemakanan keluarga di Indonesia telah sampai ke suatu tahap yang memerlukan kajian analitikal dan terperinci. Faktor penarik dan faktor penolak sepertimana yang dilaungkan oleh pandangan tradisional seperti aspek budaya relegi (Anderson, 2006). Aspek budaya tidak dapat menghuraikan secara jelas proses perubahan pemakanan keluarga dalam kalangan keluarga. Muhammad (1998) menyatakan bahawa kajian pemakanan dalam proses perubahan perlu mengambilkira kepada perubahan struktur dan peranan ahli keluarga dalam tanggungjawab ekonomi keluarga. Ini adalah kerana transformasi pengetahuan telah menyumbang kepada peranan wanita dalam perubahan pemakanan keluarga.

Hadi (2005) pula menegaskan bahawa dalam menjelaskan tahap perubahan pemakanan keluarga, seharusnya proses yang beroperasi diperingkat individu dan keluarga perlu diambilkira dalam mekanisma aliran perubahan. Apa yang penting seperti yang dikatakan oleh Suhardjo (1995) ialah peranan daripada golongan wanita untuk perubahan pemakanan keluarga perlu diberi perhatian dengan lebih analitikal dengan mengambilkira kepada pelbagai faktor yang menyumbang kepada proses perubahan tersebut.

Walaupun perubahan sosial umumnya dan khususnya perubahan pemakanan telah berlaku, namun belum banyak kajian mengenai proses perubahan pemakanan keluarga dalam tahap pembangunan negara Indonesia. Melihat kepada peningkatan penglibatan ekonomi wanita sektor formal dan tidak formal, ia menjelaskan bahawa terdapat elemen-elemen lain yang menyokong penglibatan wanita dalam arus perubahan pemakanan dan seterusnya mengaktifkan penglibatan mereka dalam aktiviti ekonomi persekitaran. Kemampuan wanita dalam mentransformasi pendidikan dan ekonomi dalam arus perubahan serta kejayaan wanita dalam pelbagai strategi ekonomi untuk keperluan pemakanan keluarga adalah suatu yang menarik untuk diteliti. Senario yang menjalar dengan pantas ini menggambarkan telah wujud suatu bentuk pemakanan keluarga dalam fasa ke fasa pembangunan negara Indonesia. Proses yang dilakukan oleh wanita terutama dalam perubahan pemakanan masih belum diterokai sepenuhnya. Kajian bersifat mikro analisis ini dirasakan perlu bagi menjawab dan menjelaskan pelbagai persoalan berkaitan elemen peranan wanita yang menggerakkan perubahan pemakanan dalam keluarga di Batubara.

Sebagaimana diketahui, kehadiran kedai-kedai makan dan restoran makanan di Indonesia dan Batubara khususnya seolah tiada henti seperti cendawan tumbuh, walaupun pelbagai usaha pemerintah dalam hal cukai kedai makan dan restoran makan. Justeru, tidak dapat dinafikan keperluan kepada kedai-kedai makan dan restoran makan adalah faktor penting dalam pelbagai keperluan keluarga dan masyarakat dalam sektor pemakanan.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang telah dibentangkan, adalah menjadi matlamat utama kajian ini untuk mengenal bentuk bentuk peranan wanita Batubara dalam proses perubahan pemakanan keluarga dan seterusnya menganalisa strategi-strategi yang dijalankan dalam usaha membentuk pemakanan keluarga dalam kalangan wanita surirumah di Batubara. Secara lebih terperinci, kajian ini mempunyai objektif-objektif seperti berikut:

- (a) Mengetahui bentuk peranan wanita dalam pemakanan keluarga.
- (b) Mengidentifikasi strategi-strategi yang dilakukan wanita dalam bidang ekonomi untuk mencapai pemakanan keluarga.
- (c) Meneliti perubahan pemakanan dalam kalangan keluarga di Batubara.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Untuk mencapai objektif-objektif di atas, kajian ini menggariskan beberapa persoalan berhubung dengan perubahan pemakanan dan bentuk aktiviti ekonomi dalam kalangan wanita surirumah di Batubara:

- a) Hal-hal apa sahaja yang dilakukan wanita informan di Batubara dalam pembentukan pemakanan keluarga?
- b) Apakah strategi yang digunakan wanita bagi mencapai pemakanan keluarga yang baik dan seimbang?



- c) Apakah ekonomi wanita memainkan peranan penting bagi mencapai pemakanan keluarga.

## **1.6 Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisa bentuk-bentuk peranan wanita yang menyumbang kepada keperluan pemakanan keluarga di Indonesia umumnya dan Batubara khususnya. Tidak dapat dinafikan bahawa faktor wanita merupakan universal yang memainkan peranan penting dalam pemakanan keluarga. Sebetulnya faktor wanita sahaja tidak cukup untuk menjelaskan fenomena perubahan pemakanan keluarga dan tren pemakanan yang sedang melanda Indonesia. Tujuan utama kajian adalah untuk menentukan elemen-elemen yang turut memangkin wanita dalam membentuk pemakanan keluarga. Kajian ini bertujuan untuk menyelidik strategi-strategi yang dijalankan wanita informan Batubara dalam mencapai pemakanan lebih baik dalam kalangan keluarga mereka. Dalam ruang lingkup strategi ini juga, kajian seterusnya meneliti bagaimana pemakanan keluarga berperoses dalam suatu perubahan yang berlaku di Batubara.

Kajian-kajian mengenai pemakanan di Indonesia sehingga hari ini lebih menjurus kepada aspek makro seperti aspek kesehatan yang menumpukan kepada infak kemajuan teknologi di bidang pemakanan, kajian implemetasi dan perubahan makanan asas. Analisa dari sudut mikro seperti peranan wanita masih kurang atau belum dijalankan secara komprehensif. Oleh itu kajian peranan wanita dalam kalangan masyarakat Batubara dapat membantu memahami aspek perubahan pemakanan dan motivasi ekonomi wanita dengan lebih mendalam.

## **1.7 Skop dan Batasan Kajian**

Skop kajian adalah wanita surirumah yang terlibat dalam pekerjaan-pekerjaan di sektor tidak formal dan sektor formal. Penekanan khusus dibahagikan kepada dua bahagian iaitu, pertama adalah melihat peranan wanita merangkumi aktiviti menjalankan tugas rumah tangga sebagai tugas penting dalam proses kehidupan keluarga yang harmoni. Penekanan kedua adalah melihat strategi-strategi yang dijalankan wanita Batubara dalam mencapai pemakanan keluarga hasil maklumat dari pada peranan wanita dalam bidang ekonomi yang dijalankan. Kegiatan ekonomi wanita adalah sebagai perubahan peranan dan pemakanan keluarga adalah satu skop yang luas dan boleh dikaji daripada pelbagai dimensi. Walau sekop kajian menumpukan kepada peranan wanita dan perubahan pemakanan keluarga dalam kalangan wanita Batubara, kajian ini masih terbatas dalam beberapa perkara berikut:

- a) Batas kajian mencakupi hal berkaitan dengan wanita surirumah di kawasan Batubara negara Indonesia berkenaan. Batubara merupakan sebuah daerah distrik yang baharu, yang semula merupakan bahagian dari negeri Asahan. Kawasan penelitian bercorak pedesaan pinggir pantai. Masyarakat di kawasan tersebut bekerja sebagai nelayan, manakala kaum wanita bekerja dalam membantu ekonomi keluarga. Dengan kata lain wanita Batubara yang dipilih berdasarkan aktiviti ekonomi semata untuk dapat menjelaskan peranan ekonomi wanita dalam menyumbangkan pendapatan kepada keluarga guna meningkatkan pemakanan keluarga.